

Kluster ekonomi wilayah dipercepat

PEMBANGUNAN Ekonomi Wilayah akan dipercepatkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dengan tumpuan kepada pembangunan sebilangan kluster yang berkepadatan tinggi di koridor yang mempunyai kelebihan dari segi sektor dan geografi.

Pengklusteran membolehkan syarikat mendapat faedah daripada sumber sama, memudahkan pemadanan pasaran buruh dan menyumbang perkongsian pengetahuan.

Di bawah RMKe-10, tumpuan diberi kepada setiap koridor dan bagi Iskandar Malaysia di Johor, ia mencatat pelaburan komited RM59 bilion sehingga Februari lalu dengan pelaburan sebenar 38 peratus.

Pelaburan komited adalah dalam bidang pembuatan, hartanah, utiliti, pelancongan dan logistik dan tempoh RMK-10, Iskandar Malaysia akan terus menarik pelaburan terhadap lima pertumbuhan yang dikenal pasti untuk membangunkan kluster ekonomi dalam pendidikan, penjagaan kesihatan, kewangan, industri kreatif, logistik dan pelancongan.

Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) pula memberi tumpuan dalam menggalakkan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang terdiri daripada dua komponen iaitu pelancongan dan logistik.

Dalam tempoh RMKe-10, sasaran utama adalah bidang pertanian dengan zon pengeluaran makanan yang moden dipacu teknologi yang cekap dan dalam bidang pembuatan akan meningkatkan rantaian sektor pembuatan kepada aktiviti bernilai tambah tinggi seperti fabrikasi air,

reka bentuk cip, peralatan kejuruteraan perubatan, bioteknologi dan bahan yang mampan.

Dalam bidang pelancongan, fokus diberi kepada destinasi utama pelancong khususnya ekopelancongan dan pelancongan warisan dan bagi logistik, tumpuan untuk membangunkan wilayah ini sebagai pusat import dan eksport utama dengan memanfaatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Jambatan Kedua Pulau Pinang, landasan kereta api berkembar dan membesarkan Pelabuhan Pulau Pinang.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) pula akan memberi tumpuan kepada inisiatif utama berkaitan pelancongan, minyak gas, industri petrokimia, pertanian dan pendidikan.

Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) bersumber tenaga terutama tenaga hidro yang berkapasiti 28,000 MW. Ini membolehkan Sarawak menetapkan harga tenaga secara kompetitif dan menggalakkan pelaburan dalam penajaan tenaga dan industri berintensif tenaga.

Koridor Pembangunan Sabah (SDC) akan menumpukan Kawasan Pembangunan Strategik yang dikenal pasti bagi menjana peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

INFO

Langkah RMKe-10 pesatkan ekonomi

- Memberi tumpuan semula kepada memacu pertumbuhan melalui kerjasama sektor swasta untuk membangunkan industri keutamaan.
- Memberi tumpuan kepada sebilangan kecil sektor dan kluster yang mempunyai kelebihan daya saing untuk memaksimumkan impak dan pelaksanaan lebih tertumpu.
- Memberi tumpuan kepada memudahkan pelaburan swasta, menyokong ekosistem industri dan mewujudkan peluang pekerjaan.
- Mengenal pasti pelabur induk untuk terajui pembangunan koridor.
- Menyusun semula tumpuan pihak berkuasa koridor ke atas kawasan geografi yang lebih kecil.